

TR: 8.6.1966

UCAPAN TIMBALAN PERDANA MENTERI
DI PEMBUKAAN SUKAN ORANG-ORANG CACAT
DI STADIUM NEGARA, KUALA LUMPUR
PADA 26 JUN, 1966.

Tuan Pengerusi, tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya berasa sangatlah gembira kerana dijemput hadir bersama dengan tuan-tuan dan puan-puan sekalian pada hari ini untuk mengisytiharkan pembukaan rasmi pertandingan sukan bagi orang-orang cacat. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum tujuan yang sebenarnya mengadakan kempen dakyah mengenai orang-orang cacat yang telah diumumkan mulai daripada 24 ke 29 Jun, 1966 - adalah untuk menggalakkan masyarakat orang ramai supaya menerima orang-orang cacat ke masyarakat amnya.

Kempen dakyah seperti ini sangat mulia dan besar ertinya kepada orang-orang cacat kerana mereka seharusnya diberi peluang juga mengambil tempat yang penting di samping orang-orang biasa untuk berjaga dan mendirikan negara kita yang telah merdeka ini dalam mencapai kejayaan dalam lapangan pembangunan dan segala-galanya.

Dua hari yang lepas, Y.T.M. Tunku Perdana Menteri¹ semasa membuka pameran dan melancarkan kempen dakyah ini, telah menyeru kepada orang ramai dari semua lapisan masyarakat dalam negara ini supaya berusaha dengan seberapa daya untuk menimbulkan perasaan di dalam orang-orang cacat bahawa mereka itu adalah diterima oleh masyarakat. Saya suka memberi sokongan penuh kepada seruan Tunku itu kerana hanya dengan adanya perasaan muhibbah dan persahabatan baharulah dapat orang-orang cacat mara ke hadapan untuk menunjukkan kebolehan mereka dalam segala lapangan yang mereka telah dilatih dengan menggunakan kebolehan anggota semulajadi yang ada pada mereka.

Tuan-tuan dan puan-puan telahpun melihat kebolehan-kebolehan orang-orang cacat dalam beberapa lapangan perusahaan tangan yang

sekarang ini ditunjukkan dalam suatu pameran yang terbuka kepada orang ramai di Stadium Negara. Pameran ini adalah membuktikan dengan jelasnya bahawa orang-orang cacat juga mempunyai kebolehan-kebolehan mereka sendiri dalam lapangan perusahaan pertukangan tangan, seni dan sebagainya. Pada hari ini tuan-tuan dan puan-puan akan mendapat peluang sekali lagi melihat kebolehan-kebolehan mereka iaitu kebolehan-kebolehan mereka dalam lapangan sukan yang pertama kalinya diadakan di negara kita ini. Saya percaya ada setengah-setengah golongan orang ramai yang masih lagi menyangka bahawa orang-orang cacat tidak dapat mengambil bahagian dalam satu-satu pertandingan disebabkan kekurangan sifat-sifat anggota mereka. Tetapi pada hari ini tuan-tuan dan puan-puan akan sedar bahawa sangkaan itu tidak benar sama sekali kerana apa yang kita sekalian akan lihat kelak dan membuktikan bahawa orang-orang cacat, sungguh pun mengalami kecacatan, boleh juga mengambil bahagian yang cergas dalam lapangan sukan, dan saya tidak akan terperanjat jika mereka boleh menunjukkan kebolehan yang lebih tinggi mutunya daripada kebolehan kita orang-orang biasa.

Saya yakin dan percaya bahawa orang-orang cacat yang sekarang ini telah dibawa ke hadapan untuk menunjukkan kebolehan mereka, sentiasa berazam dan bercita-cita supaya mereka menjadi rakyat yang berguna kepada negara ini, Saya berasa gembira dan sukacita mengetahui bahawa ada beberapa buah pejabat kerajaan dan gedung-gedung perniagaan di Kuala Lumpur ini dan juga di tempat-tempat lain di sekitar tanah air kita yang telahpun memberi pekerjaan kepada orang-orang cacat yang berkebolehan. Selain daripada itu saya berharap supaya banyak lagi majikan-majikan memberi peluang-peluang pekerjaan kepada orang-orang cacat yang mempunyai kebolehan tertentu supaya mereka bukan sahaja dapat diterima sebagai anggota dalam masyarakat awam tetapi juga mendapatkan mereka mencari sara hidup sendiri sebagai orang-orang biasa.

Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sendiri sedia maklum bahawa Kerajaan Perikatan sentiasa berazam dari berusaha hendak membentuk satu masyarakat yang berbahagia dan saksama di tanah air kita ini dan kerajaan mengira bahawa tiap-tiap rakyat adalah berguna kepada bangsa dan tanah air untuk menuju ke arah kemajuan dalam segala lapangan. Maka dengan dasar ini Kerajaan sedia

memberi peluang yang sama kepada orang-orang-cacat supaya orang-orang cacat juga boleh memainkan peranan penting dalam menjalankan kewajipan mereka kepada pembangunan negara.

Dengan tidak memanjangkan ucapan saya lagi, saya dengan sukacitanya mengisytiharkan sukan ini dibuka supaya dapat kita sekalian menyaksikan kebolehan-kebolehan orang-orang cacat dalam lapangan sukan.

Terima kasih.

¹ Y.T.M. Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.